

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyak kilang berdaftar telah diambil tindakan penggantungan lesen operasi kerana melakukan pencemaran alam sekitar sejak 5 tahun lalu. Jika tindakan lain diambil, sila nyatakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Oktober 2020, berdasarkan data yang diperolehi daripada 11 negeri, terdapat sebanyak 50,033 buah kilang berdaftar dan daripada jumlah itu, sebanyak 353 buah kilang telah diambil tindakan penggantungan lesen atas kesalahan melakukan pencemaran alam sekitar sejak 5 tahun yang lalu.

2. Selain tindakan penggantungan lesen, tindakan penguatkuasaan lain yang diambil berkaitan pencemaran alam sekitar dari tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti berikut:

Tahun	Notis Arahan	Kompaun	Penahanan Kelengkapan Operasi	Perintah Larangan	Mahkamah
2020	1,915	6,598	138	28	381
2019	2,230	4,247	186	3	291
2018	1,744	2,299	53	3	218
2017	1,297	1,723	64	1	193
2016	1,694	2,006	81	0	287
Jumlah	8,880	16,873	522	35	1,370

*Input Kementerian Alam Sekitar dan Air

Sekian, terima kasih.